

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PRASARANA AKAN MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN PERKHIDMATAN KERETAPI DAN BAS MELALUI KEMASKINI UMUM BERKALA

Menyasarkan untuk mencapai Min Kilometer Antara Kegagalan (MKBF) sehingga 1,000,000 kilometer menjelang Suku Ketiga di tahun 2026 melalui pelbagai langkah penambahbaikan.

KUALA LUMPUR, 15 Mei - Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), pengendali perkhidmatan rel bandar di Malaysia termasuk LRT, KL Monorel dan MRT serta perkhidmatan basnya, telah melancarkan inisiatif untuk memantau dan menjelaki Min Kilometer Antara Kegagalan atau ‘Mean Kilometer Between Failures’ (MKBF) untuk perkhidmatan relnya.

Maklumat terkini mengenai MKBF akan didedahkan kepada umum pada setiap bulan, manakala maklumat terkini mengenai penumpang, faktor muatan, kebolehpercayaan perkhidmatan, ketersediaan perkhidmatan dan kemudahan stesen perkhidmatan rel dan bas masing-masing di bawah Rapid Rail dan Rapid Bus, akan dikongsikan pada setiap minggu.

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan perkhidmatan rel dan bas Prasarana, serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dan melaksanakan langkah-langkah untuk menanganinya, sejajar dengan matlamat syarikat untuk mencapai sasaran MKBF sejauh 1 juta kilometer menjelang Suku Ketiga di tahun 2026. Langkah ini bakal memberi manfaat kepada penumpang dari sudut usaha berterusan dan konsisten Prasarana dalam meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan relnya.

Menteri Pengangkutan Malaysia, Yang Berhormat Anthony Loke berkata MKBF adalah cara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk menilai kebolehpercayaan perkhidmatan. Ianya diperolehi daripada purata jarak perjalanan kereta api sebelum kegagalan atau kerosakan yang menyebabkan kelewatan lebih daripada lima minit berlaku. MKBF digunakan oleh pengendali kereta api di seluruh dunia termasuk di Singapura, Thailand dan Taiwan.

Beliau menambah bahawa laporan MKBF adalah sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Prasarana. Ia adalah penanda aras yang digunakan untuk mengukur perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel. Matlamatnya adalah untuk beroperasi tanpa kegagalan atau gangguan teknikal untuk jarak yang disasarkan.

Tegasnya, Prasarana perlu memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya terhadap pengguna pengangkutan awam. Bagi tujuan ini, Kementerian Pengangkutan telah menetapkan piawaian yang tinggi terhadap barisan pengurusan syarikat. Angka sasaran MKBF yang ditetapkan ini adalah selari dengan pengendali rel lain di rantau ini.

Menteri Pengangkutan juga berkata kerajaan komited untuk memastikan Prasarana menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia kepada orang ramai, dan inisiatif MKBF ini adalah antara kunci utama dalam usahanya untuk meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan.

Loke mengumumkannya pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Prasarana. Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Prasarana, Tan Sri Jamaludin Ibrahim serta Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Encik Mohd Azharuddin Mat Sah.

Pada bulan yang lalu, Menteri Pengangkutan bersetuju agar Prasarana mengumumkan laporan MKBF nya kepada umum pada setiap bulan untuk mengemaskini pengguna mengenai inisiatif untuk meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatannya. Sebelum ini, Prasarana menyediakan kemaskini mingguan mengenai bidang utama berkaitan perkhidmatan rel dan basnya kepada Kementerian Pengangkutan.

Mohd Azharuddin Mat Sah berkata Prasarana mengiktiraf kepentingan ketelusan dan kebolehpercayaan demi untuk membina kepercayaan dan keyakinan di kalangan para pelanggannya.

“Dengan menjalani MKBF, kami boleh menyediakan penumpang dengan maklumat yang jelas dan padat tentang prestasi perkhidmatan berkaitan, termasuk kekerapan dan tempoh gangguan, dan langkah usaha yang diambil untuk menanganinya,” katanya.

“Pelanggan kami berhak mendapat perkhidmatan yang terbaik, dan kami komited untuk menyampaikannya kepada mereka. Inisiatif MKBF hanyalah satu contoh bagaimana Prasarana berusaha untuk menambah baik perkhidmatannya dan menyampaikan pengalaman bertaraf dunia kepada para pelanggan,” sambungnya.

Azharuddin berkata Prasarana menetapkan sasaran untuk mencapai MKBF sejauh 1 juta kilometer bagi LRT Laluan Kelana Jaya (KJL), LRT Laluan Ampang (AGL) dan MRT Laluan Kajang (KGL), dan MBKF sejauh 150 ribu kilometer untuk Monorel (MRL) menjelang suku ketiga tahun 2026. Sasaran MKBF sejauh 1 juta kilometer yang ditetapkan oleh Prasarana adalah setanding dengan sasaran pengendali rel utama di seluruh dunia.

Pada 2022, Prasarana mencatatkan MKBF antara 151,000 km hingga 178,000 km untuk AGL, KJL dan KGL, dan 84,000 km untuk MRL. Pada Mac 2023, Prasarana melancarkan fasa kedua MRT Laluan Putrajaya (PYL) dan kini sedang memantau prestasinya. Data daripada PYL akan disertakan dalam laporan bulanan sebaik sahaja data yang mencukupi diperoleh daripada operasinya.

Azharuddin berkata Prasarana akan terus memantau prestasi perkhidmatannya dan mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk menanganinya, yang pada akhirnya akan memberikan pengalaman yang lebih baik untuk para pelanggan.

Antara inisiatif utama yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh Prasarana untuk meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatannya bagi perkhidmatan rel termasuklah penambahan tren empat gerabak baharu (untuk KJL) pada suku ketiga tahun ini. Penambahbaikan dalam tempoh menunggu (3 minit) dijangka dicapai menjelang September 2023.

Untuk pelan jangkamasa sederhana dan panjang, Prasarana merancang untuk membaikpulih 50 set kereta api pada AGL (secara progresif sehingga tahun 2027) dan pengubahsuaian pertengahan hayat atau '*mid-life refurbishment*' untuk 34 tren di KJL (antara tahun 2024 hingga 2029). Ini akan berlaku serentak dengan pelbagai program pembaikan dan penyelenggaraan yang berterusan untuk semua laluan relnya.

Sementara itu bagi perkhidmatan basnya, inisiatif penambahbaikan utama yang dirancang termasuk melaksanakan program penggantian bas-bas yang sedia ada dengan bas yang lebih kecil (bas mini) yang mampu memasuki kawasan kejiranan yang lebih dalam, selain dari turut mampu memenuhi pelbagai kegunaan masyarakat. Langkah-langkah lain termasuklah merekrut kapten-kapten bas baharu untuk menangani kekurangan semasa, dan kerjasama dengan DBKL & negeri Selangor untuk menguatkuasa dan menambahbaik Lorong Bas demi untuk memendekkan lagi masa perjalanan.

Untuk tahun 2023 hingga kini, cabang rel Prasarana, iaitu Rapid Rail telah merekodkan jumlah penumpang kira-kira 88 juta penumpang untuk perkhidmatan LRT (AGL dan KJL), MRT (KGL dan PYL) dan Monorelnya. Sementara itu, operasi basnya di bawah Rapid Bus merekodkan jumlah penumpang kira-kira 24.3 juta penumpang untuk perkhidmatan Rapid KL, MRT Feeder, BRT Sunway, Rapid Penang dan Rapid Kuantan, dalam tempoh yang sama.

Mulai hari ini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai MKBF dan kemaskini lain yang berkaitan daripada laman web MyRapid di: <https://myrapid.com.my/rapid-rail-fact-figures>. Kemaskini mengenai operasi Prasarana juga akan disediakan di platform media sosialnya.

TAMAT

Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Adli Abdul Karim di adli.karim@prasarana.com.my atau 014-330 3464